

Kerusi: BN bersidang

KUALA LUMPUR, Sabtu- Dewan Tertinggi Barisan Nasional akan bersidang untuk menyelesaikan segala perselisihan yang timbul mengenai pembahagian kerusi dan simbol dalam pilihanraya umum akan datang.

Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba menegaskan beliau tidak nampak wujud sebarang masalah. "Ini berdasar pengalaman BN sejak enam kali diadakan pilihanraya umum. Segala masalah yang timbul telah dapat diselesaikan di meja perundingan."

Beliau berkata, desakan Parti MCA dan Gerakan serta Berjaya dan USNO di Sabah adalah perkara biasa.

Encik Mustafa Ghafar juga menegaskan bahawa kesemua 11 parti komponen BN akan diarahkan menggunakan lambang dacing dalam pilihanraya akan datang ini.

Ketika berucap merasmikan konvensyen mengenai setingan dan Kampung Asal anjuran UMNO Bahagian Setapak, beliau menyeru pekerja-pekerja sukarela parti tampil, mulai

sekarang, membantu memastikan kemenangan Barisan Nasional dan jangan sekadar membantu demi kepentingan seseorang tokoh parti itu sahaja.

Katanya, walaupun tarikh pilihanraya belum tetap, tidak ada salahnya jika UMNO dan rakan-rakan lain dalam Barisan Nasional bersiap sedia sekarang.

Naib-Presiden UMNO itu mengingatkan pemimpin parti pembangkang bahawa selagi mereka itu menggunakan isu perkauman dalam kempen-kempen mereka selagi itulah Barisan Nasional akan terus berkuasa.

Ini, katanya, disebabkan rakyat sedar masa depan negara ini dan nasib mereka menjadi seperti bidalan 'menang jadi abu dan kalah menjadi arang' jika mereka terpengaruh

dengan isu-isu sedemikian.

Beliau lalu mengesyorkan supaya parti pembangkang menggunakan isu pembangunan.

Katanya, isu pembangunan adalah lebih baik digunakan kerana lebih banyak mengkritik, lebih baik kepada Kerajaan kerana dapat membetuli kesilapan yang dibuat.

Pemimpin UMNO itu juga membidas sikap setengah parti pembangkang yang menggunakan Islam untuk kepentingan politik mereka.

Katanya, mereka itu hanya menggunakan nama Islam sahaja walhal 'isi perjuangan dan parti itu sendiri' lebih menyimpang dari Islam.

Encik Ghafar juga mengingatkan orang Melayu di Wilayah Persekutuan jangan takut menerima perubahan.